



Jika anda membeli hartanah dan merancang untuk menjualnya kemudian, ingat bahawa anda mungkin dikenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah (Real Property Gains Tax) ke atas keuntungan daripada penjualan hartanah anda



Apabila anda membeli rumah sama ada untuk tujuan pelaburan atau kediaman sendiri, adalah penting untuk menitikberatkan faktor lokasinya. Lokasi yang baik membantu anda mendapatkan penyewa dengan sewa yang dikehendaki sambil meningkatkan harga rumah anda.

FAKTOR YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN

Terdapat dua faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum membeli rumah, iaitu faktor bukan kewangan dan faktor kewangan.

Faktor bukan kewangan

1

Lokasi hartanah
– lokasi!
lokasi!
lokasi!

Anda perlu tentukan di mana anda hendak tinggal dan jenis kejrangan anda. Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi pilihan lokasi anda. Antaranya adalah:

- kemudahan asas seperti kedai, bank, pejabat pos, sekolah, hospital, taman rekreasi dan kejrangan
- kemudahan pengangkutan awam
- jarak dari tempat kerja
- keadaan lalu-lintas
- keselamatan

